

CNS4540

UPB18-11 00207 BH368

RAH

TTADA CADANGAN SEMBAH PERKARA CAMPURTANGAN ISTANA KEPADA AGONG

BANGI, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak bercadang untuk mempersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah perkara yang diputuskan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini mengenai campurtangan istana dalam pentadbiran kerajaan negeri.

+Tak adapun cadangan... saya tak tahu apa dia,+ katanya kepada pemberita ketika ditanya bila beliau akan mengetuai rombongan UMNO untuk menemui Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah mengenai perkara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian selepas merasmikan kilang Hitachi Electronic Products (M) Sdn Bhd dan syarikat Hitachi Air Conditioning Products (M) Sdn Bhd di sini.

Laporan akhbar hari ini memetik Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mohamed Rahmat sebagai berkata bahawa UMNO akan menghantar satu rombongan peringkat tertinggi menghadap Seri Paduka tidak lama lagi bagi mengburaikan hasrat serta pandangan yang disuarakan terhadap institusi raja-raja.

Datuk Mohamed telah berkata, bagaimanapun beliau enggan memberitahu siapa yang bakal mengetuai rombongan itu dan tarikh mereka akan menghadap Seri Paduka.

Ketika ditanya bahawa Datuk Mohamed telah menyatakan perkara itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, +Saya tak tahu apa maksud dia, kena tanya dialah.+

-- Rernama.

♥18/11 /17-06MST